

# Pusat Hizbut Tahrir bakal digempur

Polis Johor mengenal pasti pemimpin utama, 45 pengikut fahaman berkenaan

Oleh NOR AZURA MD AMIN

## JOHOR BAHRU

**P**usat penyebaran Hizbut Tahrir Malaysia (HTM) akan digempur selepas polis Johor mengenal pasti 45 daripada 80 pengikut fahaman itu termasuk Sallahuddin Mashkuri yang juga ketua mereka.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya tidak teragak-agak menggunakan Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) kepada HTM jika mereka melangkaui garisan keselamatan negara.

“Saya akan bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Ne-

geri Johor (JAINJ). Dalam sedikit waktu, polis akan gempur pusat-pusat penyebaran fahaman ini di Skudai.

“Jangan tolak ansur dengan mereka (HTM) ini, mungkin mereka akan gunakan bahasa yang lembut tetapi saya tidak akan gunakan bahasa yang lembut terhadap individu dan pertubuhan yang tidak ikut undang-undang,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulan Oktober Polis Kontinjen Johor, di sini semalam.

Terdahulu, Ayob Khan mengulas mengenai kenyataan yang dimuat naik di laman web rasmi HTM semalam yang mendakwa Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi dan Ketua Polis Johor memfitnah bahawa fahaman HTM bercanggah dengan agama Islam.

Ayob Khan berkata, pihaknya sudah melihat laman web pertubuhan itu di mana terdapat artikel yang menyebut namanya, namun tidak ditandatangani mana-mana pihak.

“Kalau ada keberanian sila



Ayob Khan (depan, kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada pengamal media pada Perhimpunan Bulanan Polis Kontinjen Johor di Johor Bahru semalam.

tandatangan. Kenyataan yang saya keluarkan adalah berasaskan fatwa yang dikeluarkan JAINJ atas perintah dan perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar,” katanya.

Ayob Khan berkata, fahaman HTM pernah mengeluarkan risalah berhubung negara Islam moden sebagai kufur serta akan memerangi sistem demokrasi.

Menurutnya, selain Johor, fatwa Selangor, Pahang, Sabah,

Pulau Pinang dan Kuala Lumpur jelas menyatakan tentang penyelewengan Hizbut Tahrir, malah negara Islam lain antaranya Rusia, Tunisia, Bangladesh, Jordan dan Syria turut memasukkan fahaman itu sebagai menyesatkan dan mengancam keselamatan negara.

Pada 1 Oktober lalu, Ayob Khan pada sidang akhbarinya berkata, polis Johor sedang memantau pertubuhan HTM di

negeri ini dan akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) kepada ahli HTM sekiranya mereka melangkaui garisan keselamatan dan menggugat keharmonian negara.

Jelasnya, setakat ini belum ada tangkapan dibuat namun pihaknya telah menerima 17 laporan polis berhubung gerakan itu dan telah membuka kertas siasatan.